

Pasar Raya Lulu kedua dibuka

Oleh NUR ADNIN
ABDUL RAZAK

KUALA LUMPUR - Syarikat perniagaan runcit dari Asia Barat, Lulu Group terus meluaskan perniagaannya di negara ini dengan membuka cawangan kedua Pasar Raya Lulu di pusat beli-belah 1 Shamelin, Cheras di sini semalam.

Pembukaan rangkaian ke-174 syarikat tersebut di peringkat global itu dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Saifuddin berkata, operasi Lulu Group di negara ini telah membantu membangunkan sektor peruncitan nega-



PENGUNJUNG menyerbu Pasar Raya Lulu sejurus selepas pembukaannya di Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur semalam.

ra melalui penjualan barangan runcit tempatan di luar negara.

"Pasar raya ini mematuhi polisi yang ditetapkan kerajaan, iaitu memberi ruang dan peluang kepada usahawan industri kecil dan sederhana

untuk memasarkan produk mereka sebaris dengan produk-produk luar.

"Salah satu keunikan Pasar Raya Lulu di negara ini juga ialah mereka turut mengeksport produk runcit tempatan

ke cawangannya di seluruh dunia sekali gus membantu mempromosikan jenama Malaysia di pasaran antarabangsa," katanya pada sidang akhbar sempena majlis pelancaran di sini semalam.

Sementara itu, Pengerusi Lulu Group, Yusuff Ali MA berkata, pihaknya bakal membuka empat lagi cawangan baharu iaitu di Setia City Mall dan Bangi Gateway, Selangor; Bachang, Melaka serta Johor Bahru sebelum 2020.

"Kami turut merancang menyediakan lebih 5,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia rentetan daripada pembukaan empat cawangan baharu tersebut," jelasnya.

Pasar Raya Lulu kedua dibuka

Nur Adnin Abdul Razak
02 Julai 2019 3:00 AM



Pengunjung menyerbu Pasar Raya Lulu sejurus selepas pembukaannya di Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR - Syarikat perniagaan runcit dari Asia Barat, Lulu Group terus meluaskan perniagaannya di negara ini dengan membuka cawangan kedua Pasar Raya Lulu di pusat beli-belah 1 Shamelin, Cheras di sini semalam.

Pembukaan rangkaian ke-174 syarikat tersebut di peringkat global itu dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Saifuddin berkata, operasi Lulu Group di negara ini telah membantu membangunkan sektor peruncitan negara melalui penjualan barangan runcit tempatan di luar negara.

"Pasar raya ini mematuhi polisi yang ditetapkan kerajaan, iaitu memberi ruang dan peluang kepada usahawan industri kecil dan sederhana untuk memasarkan produk mereka sebaris dengan produk-produk luar.

"Salah satu keunikan Pasar Raya Lulu di negara ini juga ialah mereka turut mengeksport produk runcit tempatan ke cawangannya di seluruh dunia sekali gus membantu mempromosikan jenama Malaysia di pasaran antarabangsa," katanya pada sidang akhbar sempena majlis pelancaran di sini semalam.

Sementara itu, Pengerusi Lulu Group, Yusuff Ali MA berkata, pihaknya bakal membuka empat lagi cawangan baharu iaitu di Setia City Mall dan Bangi Gateway, Selangor; Bachang, Melaka serta Johor Bahru sebelum 2020.

"Kami turut merancang menyediakan lebih 5,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia rentetan daripada pembukaan empat cawangan baharu tersebut," jelasnya.

